

Mahasiswa perlu wujud kesatuan

UIN 23/05/12 26

KOTA KINABALU 22 Mei

- Mahasiswa baru yang terdiri daripada pelajar Sabah, Sarawak dan Semenanjung perlu membina kesatuan tanpa mengira perbezaan budaya dan negeri asal.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon berkata, kerjasama yang erat antara semua pelajar mampu mewujudkan kejayaan cemerlang.

“Diharap pertemuan pelajar Sabah, Sarawak dan Semenanjung ini memberi banyak manfaat agar para pelajar saling mengenali antara satu sama lain dan bertukar-tukar idea,” katanya pada majlis Minggu Suai Mesra Program Asasi Sains 2012/2013 Pusat Persediaan Sains dan Teknologi UMS di Dewan Pasca siswazah UMS di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pengarah Pusat Persediaan Sains dan Teknologi, Sazmal Effendi Arshad.

Menurut beliau, sesi kemasukan sijil Asasi Sains kali ini menyaksikan pertambahan besar pelajar iaitu sebanyak 278 orang berbanding hanya 60 pelajar tahun lalu.